

PERATURAN DAN SYARAT MAJLIS KONVOKESYEN KE 30 POLITEKNIK KOTA BHARU

1. TARIKH MAJLIS KONVOKESYEN

1.1. Majlis Konvokesyen ke 30 Politeknik Kota Bharu akan diadakan pada **6, 7, 8 dan 9 Mac 2017 (Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis)** di **DEWAN JUBLI PERAK (DJP) Politeknik Kota Bharu**.

1.2. Graduan yang terlibat dalam **Majlis Konvokesyen** adalah seperti berikut:

1.2.1. Sidang Pertama (Isnin - 6 Mac 2017)

1.2.1.1. Graduan daripada **Jabatan Kejuruteraan Awam** yang telah disahkan lulus dan tamat pengajian pada **Sesi Disember 2015** dan **Sesi Jun 2016**

1.2.2. Sidang Kedua (Selasa – 7 Mac 2017)

1.2.2.1. Graduan daripada **Jabatan Kejuruteraan Elektrik** yang telah disahkan lulus dan tamat pengajian pada **Sesi Disember 2015** dan **Sesi Jun 2016**

1.2.3. Sidang Ketiga (Rabu – 8 Mac 2017)

1.2.3.1. Graduan daripada **Jabatan Kejuruteraan Mekanikal** yang telah disahkan lulus dan tamat pengajian pada **Sesi Disember 2015** dan **Sesi Jun 2016**

1.2.4. Sidang Keempat (Khamis - 9 Mac 2017)

1.2.4.1. Graduan daripada **Jabatan Perdagangan** yang telah disahkan lulus dan tamat pengajian pada **Sesi Disember 2015** dan **Sesi Jun 2016**

Nota : Graduan yang berkaitan adalah graduan diploma daripada pengajian sepenuh masa dan kursus secara sambilan (KSS).

2. PENYERTAAN MAJLIS KONVOKESYEN

2.1. Penyertaan graduan ke majlis konvokesyen ini hendaklah dibuat secara dalam talian (*online*) melalui laman web <http://www.pkb.edu.my> dengan mengisi borang permohonan samada hadir / tidak hadir konvokesyen. Tatacara untuk permohonan bolehlah merujuk terus laman web berkenaan. Sekiranya ada masalah, sila berhubung terus dengan Urusetia konvokesyen melalui talian 09-788 9126/ 09-788 9344 (samb. 221, 214 atau 259).

2.2. **Borang Jawapan Penyertaan Konvokesyen** yang lengkap diisi melalui laman web hendaklah dicetak serta diposkan bersama-sama **Slip Asal Bayaran Konvokesyen** dan hendaklah sampai kepada Urusetia Konvokesyen sebelum **28 FEBRUARI 2017 (SELASA)**, jam 5.00 petang.

**JK PENDAFTARAN GRADUAN,
Majlis Konvokesyen Ke 30,
Politeknik Kota Bharu,
Km 24, Kok Lanas,
16450 KETEREH,
Kelantan Darul Naim.
(u.p.: Unit Psikologi & Kerjaya)**

3. BORANG KAJIAN PENGESANAN GRADUAN POLITEKNIK 2015

- 3.1. Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai graduan bagi membolehkan pihak Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) meningkatkan kualiti kursus dan perkhidmatan yang akan diberikan.
- 3.2. Graduan dikehendaki melengkapkan borang kajian berkenaan di Makmal Komputer GCL7 **selepas** pendaftaran konvokesyen dan mencetak **Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan**. Sila rujuk **Lampiran A**.
- 3.2.1. Bagi graduan yang akan **TIDAK HADIR** Majlis Konvokesyen, anda akan dihubungi oleh pihak **CISEC** PKB.

4. BAYARAN

4.1. Bayaran konvokesyen adalah :

4.1.1. SEMUA graduan dikenakan Bayaran Konvokesyen, bayarannya adalah **RM 220.00** (Bayaran pengurusan Diploma/Sijil sebanyak RM170.00 dan yuran seumur hidup Alumni sebanyak RM50.00)

4.1.2. Yuran Alumni sebanyak RM 50.00 adalah dikecualikan sekiranya graduan telah membayar yuran keahlian Alumni semasa konvokesyen pengajian di peringkat sijil di Politeknik Kota Bharu. (Perlu tunjukkan bukti keahlian Alumni)

4.2. Pembayaran hendaklah dibuat atas nama **“KOPERASI POLITEKNIK KOTA BHARU BHD”** di mana-mana cawangan bank seperti yang dinyatakan dibawah.

Bil.	Nama Bank	Nombor Akaun
1	Bank Muamalat	0303 0000 0707 18
2	RHB Bank Berhad	2030 2010 1131 54
3	Maybank Berhad	5530 3800 7514

4.3. Bayaran boleh dibuat melalui:

- 1) Bayaran di kaunter bank
Atau
- 2) CDM (Cash Deposit Machine)
Atau
- 3) Fund Transfer (Perbankan Internet)

4.4. Slip bayaran atau resit CDM atau resit Fund Transfer asal hendaklah dicatatkan **nama, nombor pendaftaran pelajar dan jabatan**, kemudian diposkan kepada urusetia bersama dengan **Borang Jawapan Penyertaan Konvokesyen**.

5. PENDAFTARAN DAN PENGESAHAN PENYERTAAN KONVOKESYEN

- 5.1. Semua graduan hendaklah mendaftar dan mengesahkan penyertaan konvokesyen kepada urusetia pada hari dan masa seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A**.
- 5.2. Graduan hendaklah mengemukakan salinan fotokopi Slip Bayaran atau resit CDM atau resit Fund Transfer kepada urusetia sebagai bukti pembayaran konvokesyen telah dibuat.

6. RAPTAI / TAKLIMAT KONVOKESYEN

- 6.1. Jadual pendaftaran dan raptai konvokesyen sepertimana **Lampiran A**.
- 6.2. Graduan diminta membawa **kad pengenalan** semasa pendaftaran pada hari raptai.
- 6.3. Graduan yang gagal menghadiri majlis raptai, tidak dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.
- 6.4. Pakaian semasa raptai hendaklah kemas dan sesuai dengan majlis. ('*Jeans*', selipar dan kemeja 'T' tanpa kolar tidak dibenarkan semasa raptai).
- 6.5. Graduan yang memperolehi Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) 3.50 dan ke atas layak untuk menerima pingat **Anugerah Ketua Jabatan**. Sila dapatkan pingat berkenaan semasa mengambil jubah konvokesyen di Bilik Jubah Konvokesyen.

7. MAJLIS KONVOKESYEN

- 7.1. Jadual majlis konvokesyen sepertimana **Lampiran A**
- 7.2. Semua graduan hendaklah mendaftarkan diri di tempat yang ditetapkan semasa raptai.
- 7.3. Graduan yang gagal mendaftar diri seperti tarikh dan masa yang ditetapkan, tidak akan dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.
- 7.4. Graduan yang telah mendaftar dikehendaki berbaris mengikut JABATAN MASING-MASING seperti yang telah dimaklumkan semasa raptai.
- 7.5. Semasa majlis sedang berlangsung graduan diminta menghormati majlis dengan tidak membuat bising atau keluar meninggalkan dewan.
- 7.6. Graduan dinasihatkan supaya tidak membawa barang-barang persendirian seperti beg, kamera DSLR, kamera perakam video atau sebagainya ke dalam dewan.

8. IBUBAPA/TETAMU

- 8.1. Setiap graduan hanya dibenarkan membawa **seorang** ibu/bapa/tetamu memasuki dewan ketika majlis konvokesyen berlangsung. Walaubagaimanapun kebenaran untuk memasuki dewan boleh dipertimbangkan jika masih ada ruang dan kekosongan tempat.
- 8.2. Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah **TIDAK DIBENARKAN** berada di dalam dewan konvokesyen.
- 8.3. Ibu/bapa/tetamu yang tidak memasuki dewan, disediakan tempat khas untuk mengikuti upacara majlis konvokesyen melalui siaran terus CCTV.
- 8.4. Ibu/bapa/tetamu **TIDAK DIBENARKAN** mengambil gambar graduan ketika majlis berlangsung.
- 8.5. Ibu/bapa/tetamu diminta menghormati majlis dengan tidak keluar dari dewan atau membuat bising di dalam dewan.
- 8.6. Pakaian ibu/bapa/tetamu hendaklah kemas dan bersesuaian untuk majlis rasmi.
- 8.7. Graduan diminta memaklumkan peraturan ini kepada ibu/bapa/tetamu.

9. PASS KENDERAAN & TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 9.1. Graduan diberikan sekeping pass kenderaan. Pass kenderaan yang diberikan hendaklah dipamerkan pada cermin hadapan kenderaan semasa Hari Raptai dan Hari Konvokesyen.
- 9.2. Hanya kenderaan yang mempunyai pass kenderaan sahaja dibenarkan memasuki kawasan PKB.
- 9.3. Graduan dan ibubapa/tetamu hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kereta yang disediakan oleh PKB.
- 9.4. Sila patuhi arahan/tunjuk arah yang diberikan oleh pihak pengawal lalulintas.

10. ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI GRADUAN

10.1. Etika Pakaian dan Rupadiri Graduan Lelaki

10.1.1. Graduan dimestikan memakai sama ada:

10.1.1.1. Baju Melayu cekak musang berwarna hitam berbutang lengkap, bersongkok hitam dan bersampin.

ATAU

10.1.1.2. Berkemeja lengan panjang berwarna cerah, seluar slack gelap, bertali leher dan bersongkok (non muslim digalakkan bersongkok). Graduan digalakkan memakai kot.

10.1.2. Kasut kulit dan sarung kaki berwarna hitam/gelap yang bersesuaian untuk majlis rasmi. **Kasut sukan TIDAK DIBENARKAN.**

10.1.3. Graduan yang beragama Sikh dibolehkan memakai '*turban*'.

10.1.4. Graduan hendaklah berambut pendek (tidak mencecah kolar baju serta tidak menutupi telinga dan dahi) dan kemas.

10.1.5. Rambut berfesyen seperti 'punk', berekor atau diwarnakan tidak dibenarkan.

ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI BAGI GRADUAN LELAKI



CONTOH 1



CONTOH 2



RAMBUT GRADUAN



KASUT YANG DIBENARKAN

10.2. Etika Pakaian dan Rupadiri Graduan Wanita

10.2.1. Baju kurung, Kebaya, Kebarung, Sari atau pakaian labuh yang sopan dan bertudung (muslim). Pakaian berbentuk seluar adalah dilarang kecuali pakaian kebangsaan masyarakat Panjabi.

ATAU

10.2.2. Blaus berlengan panjang dan skirt labuh (paras buku lali).

10.2.3. Tudung rasmi konvokesyen PKB disediakan semasa pengambilan jubah.

10.2.4. Warna dan corak pakaian hendaklah sesuai dengan majlis rasmi.

10.2.5. Kasut atau sandal bertumit. **Kasut sukan tidak dibenarkan.**

10.2.6. Graduan Non-Muslim hendaklah berambut kemas.

10.2.7. Rambut berfesyen seperti 'punk', berekor atau diwarnakan tidak dibenarkan.

ETIKA PAKAIAN DAN RUPADIRI BAGI GRADUAN WANITA (warna dan corak hendaklah sesuai dengan majlis rasmi)



CONTOH 1



CONTOH 2



CONTOH 3



JENIS KASUT YANG DIBENARKAN

11. JUBAH KONVOKESYEN

11.1. Pengambilan Jubah

- 11.1.1. Jadual pengambilan jubah seperti **Lampiran B**.
- 11.1.2. Jubah boleh diambil sebelum majlis raptai dengan mengemukakan salinan Slip Bayaran Konvokesyen dan slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan.
- 11.1.3. Urusan pengambilan jubah selain daripada Lampiran B tidak akan dilayan.
- 11.1.4. Sebarang pengubahsuaian pada jubah tidak dibenarkan.

11.2. Pemulangan Jubah

- 11.2.1. Jubah perlu dipulangkan selepas majlis konvokesyen tamat.
- 11.2.2. Kelewatan pemulangan jubah akan dikenakan denda sebanyak **RM 5.00** sehari.
- 11.2.3. Borang Pengesahan Pemulangan Jubah akan menjadi bukti untuk graduan membuat tuntutan Diploma/sijil.

11.3. Kehilangan atau Kerosakan Jubah/Tudung/Pelilit Songkok

- 11.3.1. Jubah yang rosak atau hilang akan dikenakan gantirugi sebanyak **RM 200.00**.
- 11.3.2. Tudung/pelilit songkok yang rosak atau hilang akan dikenakan gantirugi sebanyak **RM 15.00**.

12. PENGAMBILAN SIJIL

- 12.1. Graduan yang menghadiri majlis konvokesyen boleh mengambil diploma di Unit Peperiksaan PKB selepas penghantaran jubah.
- 12.2. Graduan yang **tidak** menghadiri majlis konvokesyen boleh menuntut diploma mereka di Unit Peperiksaan PKB selepas daripada tarikh rasmi majlis konvokesyen berlangsung. Graduan perlu mengemukakan Slip Bayaran Konvokesyen dan Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan.
- 12.3. Graduan yang **tidak** menghadiri majlis konvokesyen juga boleh mendapatkan diploma mereka secara pos dengan memenuhi tatacara berikut:
 - 12.3.1 Permohonan melalui laman web www.pkb.edu.my
 - 12.3.2 Menyertakan Slip Asal Pembayaran dan Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan.
 - 12.3.3 Menyertakan sampul surat 40 cm x 28 cm nama dan beralamat sendiri bersetem RM 4.00 (**sampul surat hendaklah 10 cm lebih besar daripada kertas A4 untuk penghantaran sijil dan folder**)
 - 12.3.4 **Dipenjuru kiri sampul surat tuliskan nama jabatan (JKA/JKE/JKM/JP), nombor pendaftaran dan sesi tamat. Catatkan juga nombor telefon/hp di bawah alamat tempat tinggal graduan.**
 - 12.3.5 Membeli Bar codeAR Register di pejabat pos bernilai RM 2.80
 - 12.3.6 Hantar kepada:

**Unit Peperiksaan
Politeknik Kota Bharu
Km. 24, Kok Lanas
16450 KETEREH**

- 12.4. Sijil yang tidak dituntut akan terus disimpan oleh Unit Peperiksaan PKB.
- 12.5. Pengambilan diploma melalui wakil hendaklah disertai surat rasmi yang mencatatkan nama graduan berserta no. kad pengenalan mewakilkan kepada **nama wakil** serta **no. kad pengenalan** wakil untuk mengambil diploma berkenaan.

13. GAMBAR KONVOKESYEN

- 13.1. Gambar konvokesyen diuruskan oleh Urusetia Konvokesyen.
- 13.2. Tempahan gambar konvokesyen boleh dibuat dengan mengemukakan Borang Tempahan Gambar selepas sesi raptai berlangsung.

14. PERSATUAN ALUMNI PKB

- 14.1. Persatuan ini ditubuhkan bagi membentuk jaringan perhubungan di antara Alumni PKB bersama PKB dari segi pembangunan, kerjaya, pengalaman dan infrastruktur politeknik.
- 14.2. Peranan Persatuan Alumni Politeknik Kota Bharu :
- Bekerjasama dengan Unit Kajian Pengesanan Pelajar Politeknik KPT dalam mengesan perkembangan status dan kerjaya graduan PKB.
 - Membangunkan pangkalan data alumni.
 - Menggembeling kepakaran Alumni PKB dalam melahirkan graduan berkualiti serta berdaya saing dari segi pembelajaran dan kerjaya.
 - Platform pertemuan di antara graduan PKB.
 - Mempromosikan graduan PKB melalui rangkaian hubungan dengan industri.
 - Menyalurkan maklumat mengenai graduan PKB kepada agensi luar.
 - Mewujudkan jalinan bestari di antara Alumni PKB dan Politeknik KPT bagi membantu graduan dalam pemajuan kecemerlangan akademik dan kerjaya.
 - Menyediakan berita-berita aktiviti persatuan Alumni.
- 14.3. Graduan PKB adalah secara automatik menjadi ahli **Persatuan Alumni Politeknik Kota Bharu Kelantan (PAPKB)**.

15. PERINGATAN TAMBAHAN

- 15.1. Graduan yang masih belum menjelaskan apa-apa hutang dengan PKB atau belum memulangkan buku perpustakaan atau barang-barang yang lain yang dipinjam dari mana-mana bahagian di PKB, diingatkan supaya menyelesaikan urusan dengan pihak yang berkenaan dengan segera.
- 15.2. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan **diploma dan transkrip DITAHAN**.

JADUAL AKTIVITI MAJLIS KONVOKESYEN KE 29 PKB

JABATAN	PENDAFTARAN	PENGESANAN GRADUAN	AMBIL JUBAH	PENDAFTARAN ALUMNI	RAPTAI / TAKLIMAT	KONVOKESYEN
Semua Jabatan		Tarikh : 2 Mac 2017 Khamis 4 Mac 2017 Sabtu Masa : 9.00 pg – 1.00 ptg Tempat : GCL 6 & 7, Blok F.	Tarikh : 2 Mac 2017 Khamis 4 Mac 2017 Sabtu Masa : 10.00 pg – 2.00 ptg Tempat : C13, Blok C			
Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA)	Tarikh : 5 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat : Pusat Pelajar	Tarikh : 5 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat : GCL 6 & 7, Blok F.	Tarikh : 5 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat : C13, Blok C	Tarikh : 5 Mac 2017 Masa : 9.00 – 11.00 pg Tempat : C15, Blok C	Tarikh : 5 Mac 2017 Masa : 2.00– 5.00 ptg Tempat: Dewan Jubli Perak	Tarikh : 6 Mac 2017 Masa : 8.00 - 1.00 tgh Tempat: Dewan Jubli Perak
Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE)	Tarikh : 6 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat: Pusat Pelajar	Tarikh : 6 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat : GCL 6 & 7, Blok F.	Tarikh : 6 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat : C13, Blok C	Tarikh : 6 Mac 2017 Masa : 9.00 – 11.00 pg Tempat : C15, Blok C	Tarikh : 6 Mac 2017 Masa : 2.00– 5.00 ptg Tempat: Dewan Jubli Perak	Tarikh : 7 Mac 2017 Masa : 8.00 - 1.00 tgh Tempat: Dewan Jubli Perak
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM)	Tarikh : 7 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat: Pusat Pelajar	Tarikh : 7 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat : GCL 6 & 7, Blok F.	Tarikh : 7 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat : C13, Blok C	Tarikh : 7 Mac 2017 Masa : 9.00 – 11.00 pg Tempat : C15, Blok C	Tarikh : 7 Mac 2017 Masa : 2.00– 5.00 ptg Tempat: Dewan Jubli Perak	Tarikh : 8 Mac 2017 Masa : 8.00 - 1.00 tgh Tempat: Dewan Jubli Perak
Jabatan Perdagangan (JP)	Tarikh : 8 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat: Pusat Pelajar	Tarikh : 8 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat : GCL 6 & 7, Blok F.	Tarikh : 8 Mac 2017 Masa : 9.00 pg – 11.00 pg Tempat : C13, Blok C	Tarikh : 8 Mac 2017 Masa : 9.00 – 11.00 pg Tempat : C15, Blok C	Tarikh : 8 Mac 2017 Masa : 2.00– 5.00 ptg Tempat: Dewan Jubli Perak	Tarikh : 9 Mac 2017 Masa : 8.00 - 1.00 tgh Tempat: Dewan Jubli Perak

JADUAL PENGAMBILAN JUBAH KONVOKESYEN KALI KE 30
POLITEKNIK KOTA BHARU

Tarikh	Masa	Tempat
2 MAC 2017 / KHAMIS 4 MAC 2017 / SABTU	10.00 pg hingga 2.00 ptg	Bilik Jubah Konvokesyen C13 & C14 Blok C
5 MAC 2017 AHAD	Graduan Jabatan Kejuruteraan Awam (Sahaja) 9.00 pg – 11.00 pg	Bilik Jubah Konvokesyen C13 & C14 Blok C
6 MAC 2017 ISNIN	Graduan Jabatan Kejuruteraan Elektrik (Sahaja) 9.00 pg – 11.00 pg	Bilik Jubah Konvokesyen C13 & C14 Blok C
7 MAC 2017 SELASA	Graduan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (Sahaja) 9.00 pg – 11.00 pg	Bilik Jubah Konvokesyen C13 & C14 Blok C
8 MAC 2017 RABU	Graduan Jabatan Perdagangan (Sahaja) 9.00 pg – 11.00 pg	Bilik Jubah Konvokesyen C13 & C14 Blok C

**Sila dapatkan Pingat Anugerah Ketua Jabatan semasa mengambil Jubah
(semester akhir **HPNM 3.5** keatas)

**Sila pastikan borang pengesanan graduan telah lengkap diisi sebelum mengambil jubah.
Slip Pengesanan Kajian Pengesanan Graduan perlu dibawa bersama semasa mengambil jubah.

Peraturan Peminjaman Jubah Konvokesyen

1. Semasa mengambil Jubah Konvokesyen, graduan mestilah menyertakan salinan
 - a. Slip bayaran sebanyak RM220.00 sebagai bukti pembayaran Majlis Konvokesyen.
 - b. Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan.
2. Graduan digalakkan **mengambil sendiri** Jubah Konvokesyen dan menunjukkan kad pengenalan diri sebagai bukti
3. Graduan dikehendaki mengisi **Borang Penerimaan Jubah** semasa melakukan pinjaman. Hanya graduan yang tersenarai dalam Buku Konvokesyen sahaja yang layak menerima Jubah Konvokesyen.
4. **Graduan bertanggungjawab sepenuhnya** terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan Jubah Konvokesyen semasa dalam jagaan mereka. Jika berlaku kerosakan atau kehilangan, graduan berkenaan akan dikenakan bayaran ganti rugi sebanyak **RM200.00** (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Sahaja).
5. Graduan tidak dibenarkan mencuci sendiri Jubah Konvokesyen.
6. Jubah Konvokesyen diperbuat daripada kain polyster. Jika perlu, graduan dinasihatkan **menggosoknya pada suhu yang rendah.**
7. Graduan tidak dibenarkan membuat sebarang pengubahsuaian pada Jubah Konvokesyen.
8. Jubah Konvokesyen hendaklah dikembalikan kepada JK Jubah Konvokesyen sebelum jam 4.30 ptg di Bilik Jubah Konvokesyen pada petang majlis konvokesyen graduan yang berkenaan.
9. Diploma tidak akan diserahkan kepada graduan yang gagal menghantar Jubah Konvokesyen pada hari berkenaan.